

Reformasi gagal, transformasi kian 'menjadi'

Utusan Online

09 Mac, 2012

Datuk Aziz Jamaludin Mhd Tahir -Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim)

PERUBAHAN persepsi umum mengenai Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) fasa pertama 2010-2012 telah memperlihatkan perubahan corak penilaian pembangunan dari hanya berasaskan *output* kepada *outcome*. Perubahan-perubahan itu seterusnya menjadikan kewibawaan kerajaan semakin positif dan kepimpinan Perdana Menteri kian cemerlang.

Meskipun negara terpaksa meminjam dengan lebih banyak, keputusan tersebut bukanlah sesuatu yang boleh dianggap keterlaluan dan boleh mengakibatkan negara menjadi muflis. Situasi tersebut bukanlah sesuatu yang boleh disamakan dengan apa yang menimpa Greece.

Malaysia masih mempunyai rezab mata wang antarabangsa yang tinggi dan boleh menampung jumlah import yang tertangguh sehingga lebih empat bulan. Keadaan inilah yang membezakan dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat.

Fasa kedua GTP dijangka akan dilancarkan pada tahun ini untuk tempoh 2012-2015. Fasa pertama telah berjaya meletakkan perubahan setelah penstrukturan semula ekonomi negara dilaksanakan secara bersungguh-sungguh termasuk memperbaiki kaedah sistem penyampaian dalam kerangka Model Baru Ekonomi.

Atas kejayaan itulah pembangkang mula melancarkan serangan dengan mendakwa bahawa di bawah kepimpinan merekalah Pulau Pinang dan Selangor berupaya melakukan perubahan yang besar. Pulau Pinang mendakwa, sejak mereka memerintah kerajaan sudah berjaya melunaskan hutang dengan kadar lebih RM200 juta setahun. Semasa mengambil alih pentadbiran pada bulan Mac 2008, kerajaan negeri berhutang sebanyak RM 620 juta dengan Kerajaan Persekutuan.

Usaha itu sebenarnya menidakkan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu Pulau Pinang mengalihkan aset air yang berhadapan dengan kekurangan dana untuk melakukan penambahbaikan dan pengembangan. Kerajaan Persekutuan mengambil alih aset tersebut dan kemudiannya memajakkan semula kepada kerajaan negeri dengan kadar tertentu. Ini bermakna, bukan kerajaan negeri berjaya melangsaikan hutang, tetapi Kerajaan Persekutuan menanggung liabiliti itu.

Begitu juga dengan dakwaan bahawa Selangor telah mencapai kemajuan yang lebih besar berbanding dengan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan sebelumnya. Pada peringkat peralihan kuasa pada tahun 2008 lalu, kerajaan terdahulu telah meninggalkan puluhan bilion ringgit dalam akaun kerajaan negeri, tetapi kini kerajaan negeri mula mencari kaedah tertentu untuk melupuskan sebahagian aset yang diwarisinya.

Tidak cukup dengan menjual aset dalam bentuk bangunan, termasuk asrama yang menempatkan pelajar tajaan Yayasan Selangor di Kuala Lumpur, bahkan sebuah padang bola yang menjadi tempat beriadah masyarakat setempat di Kelana Jaya turut mahu dibangunkan dengan pelbagai projek bercampur. Bentuk pembangunan yang sedang dijayakan oleh Selangor jelas berorientasikan keuntungan jangka pendek dengan membiarkan rakyatnya sendiri bergelut dengan kekurangan kemudahan awam, termasuk taman-taman permainan.

Perspektif inilah sebenarnya telah mewarnakan pemahaman masyarakat tentang reformasi yang menjadi wadah perjuangan pembangkang sejak tahun 1998. Penggunaan istilah reformasi yang bercirikan konsep pembangunan dalam konteks marxisme itu belum pernah menghasilkan model yang berkesan, sebaliknya lebih banyak meninggalkan ilusi dan delusi. Hingga kini konsep reformasi sudah dianggap sebagai sesuatu yang klasik, hanya cantik pada namanya tetapi tidak pada kesannya.

Tulisan Tan Sri Nordin Kardi mengenai kelemahan-kelemahan yang terkandung dalam konteks reformasi menerusi *Utusan Malaysia* pada 5 Mac lalu memberikan kita satu kesimpulan besar bahawa sejarah reformasi tidak pernah berakhir dengan kejayaan. Maka, pendekatan transformasi yang dijadikan landasan melakarkan kembali perspektif pembangunan ekonomi negara telah menampakkan kesan yang ketara bahkan langkah pragmatik Perdana Menteri bukan sahaja menampakkan kelemahan dasar pembangunan ekonomi pembangkang malah menjadikan mereka semakin gelisah.

Kegelisahan itulah juga menyebabkan pemuafakatan yang terjalin atas hasrat "menguasai Putrajaya" menjadi semakin sukar kerana rakyat semakin sedar, mereka wajib meneruskan kehidupan mereka dengan langkah yang pragmatik dan bukannya sekadar mendengar janji dan percaya kepada jargon politik (retorik). Rakyat memerlukan wang untuk membeli makanan dan pekerjaan untuk menampung kehidupan seharian. Rakyat sudah tidak mahu lagi mendengar "jika pembangkang menang, harga barang makanan akan diturunkan dan minyak dijual dengan murah."

Rakyat sudah perit bahawa sehingga musim pilihan raya baharu akan tiba, belum pun ada satu mekanisme pembangunan ekonomi dan dasar yang komprehensif meningkatkan pendapatan rakyat.

Buku Jingga hanyalah sebuah utopia kerana apa yang digariskan tidak membuat ukuran yang wajar, hanya sekadar jaminan mulut yang boleh dilakukan oleh sesiapa pun ketika membayangkan angan-angan besar yang belum pasti mampu dicapai.

Reformasi telah gagal manakala transformasi semakin membuktikan akan muncul sebagai pendekatan pembangunan ekonomi yang lebih kukuh berteraskan nilai dan aspirasi rakyat. Reformasi menjadi kukuh dalam pendekatan memenuhi cita-cita peribadi seorang pemimpin yang bercita-cita besar dan sanggup melakukan apa sahaja walaupun terpaksa berbohong dan memberikan harapan yang palsu. Ia bukanlah suatu perspektif kepimpinan yang sesuai dengan Islam, kerana Islam mementingkan keseimbangan antara kata-kata dan amalan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm